



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3)  
PEJABAT MEDIA-INFO  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II**  
**PEJABAT MEDIA-INFO**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahasa Linguistik / *Economics* / *International Relations* / Pengurusan Pentadbiran / *Political Sociology* / Politik / *Sociology* / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:
  - i. Peperiksaan Jabatan (Jika ada);
  - ii. Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
  - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Merancang strategi dalam memelihara imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
2. Mendokong usaha-usaha pemberitaan dasar-dasar Kerajaan dalam penyampaian maklumat kepada semua lapisan rakyat dengan pendekatan *Whole of nation* secara inklusif dan efektif selaras dengan pelan strategik Jabatan Perdana Menteri melalui agensi-agensi media Kerajaan dan Swasta;
3. Membantu menyelaras peruntukan Jabatan-Jabatan di bawah kawalseliaan Pejabat Media-Info;
4. Meneliti, memantau, merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif Jabatan-Jabatan di bawah kawalseliaan Pejabat Media-Info;



5. Meneliti, memantau, merancang dan melaksanakan inisiatif di bawah Jabatan Perdana Menteri;
6. Memantau media rasmi Kerajaan;
7. Menyampaikan kefahaman dan maklumat yang tepat dan sahih kepada media Kerajaan dan media Swasta;
8. Memastikan penghantaran maklumat secara strategik;
9. Membina rangkaian dalam Kerajaan dan juga di peringkat *ASEAN*;
10. Menjadi salah seorang Pegawai Fokal bagi *Senior Officials for Information* di peringkat *ASEAN*; dan
11. Menerima arahan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.